

CNI tawar kehidupan

Produk Sistem Waterlife berkualiti, makanan kesihatan

BH 21/6/08 M/S 24

Oleh Haryani Ngah

KESEDARAN betapa pentingnya air bersih yang ditapis kini semakin meningkat di kalangan pengguna di negara ini sekali gus meningkatkan permintaan terhadap alat penapisan air.

Menyedari hal ini, CNI Enterprise (M) Sdn Bhd memperkenalkan alat penapisan air, Sistem Waterlife CNI yang berteknologi tinggi dengan bentuk unik menarik dan paling penting mempunyai tujuh penapis dan memberi kesan maksimum dalam menghasilkan air berkualiti.

Harga ditawarkan untuk Sistem Waterlife CNI juga berpatutan dan ahli boleh membelinya dengan harga kurang daripada RM1,800.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Sam Cheong berkata, syarikatnya menawarkan harga yang begitu menarik kepada pengguna.

"Kami mengurangkan keuntungan yang diperoleh syarikat demi untuk memberi kebaikan kepada pengguna dan ia menjadi konsep kami. Berbanding kebanyakan penapis air yang ada, servisnya dilakukan oleh juruteknik, tetapi dengan Sistem Waterlife CNI semuanya boleh dilakukan sendiri dan ia sangat senang dilakukan.

"Selain itu, penyelenggaraannya juga sangat kurang dan pengguna hanya perlu menukarkan penapis yang pertama sekali setahun dan sekali gus menjadikan kosnya sangat rendah dan berkesan efisien," katanya.

Cheong berkata, sejak diperkenalkan dua tahun lalu, permintaan terhadap alat itu amat menggalakkan dan kini ia digunakan hampir 30,000 keluarga di seluruh Malaysia.

Di samping Sistem Waterlife CNI,

INFO

- Ditubuhkan oleh tiga anak Malaysia iaitu Datuk PC Koh, Tan Sia Swee dan Liu Tian Ji pada 1989 dengan nama Forever Young.
- CNI bermula di kedai satu tingkat di Petaling Jaya dengan modal berbayar permulaan sebanyak RM120,000.
- Wisma CNI bangunan pada 1994 dengan modal ketika itu sebanyak RM20 juta.
- Pada 1998, CNI memiliki dua kilang yang mendapat pengiktirafan GMP, HACCP dan ISO 9001-2000.
- Disenaraikan dalam Papan Utama Bursa Saham Malaysia pada 2005.
- Kumpulan CNI kini mempunyai enam anak syarikat iaitu CNI Enterprise (M) Sdn Bhd, Exclusive Mark (M) Sdn Bhd, Q Pack (M) Sdn Bhd, Creative Network International (S) Pte Ltd, Key Elite Sdn Bhd, Infuso Sdn Bhd.

CNI terkenal dengan produk makanan kesihatan dan 30 peratus daripada keuntungan syarikat adalah menerusi penjualan produk makanan kesihatan.

Untuk itu, CNI memperkenalkan konsep 'Gaya Hidup Organik' (GHO) dan di bawah program itu ada tiga produk iaitu Organik, Royal Jelly dan Life Enzyme. Pengambilan GHO akan menjadikan sistem pemakanan seseorang itu lebih sempurna.

"Apabila kita bercakap mengenai organik, ia adalah berhubung dengan kehijauan, alam sekitar, kebersihan, asli dan bebas daripada sebarang pencemaran," katanya.

Organik keluaran CNI menggunakan bahan asas berasal dari Amerika Syarikat yang mengandungi 70 peratus serat biji-bijian dan 30 peratus serat daripada sayur-sayuran dan buah-buahan.

Serat boleh bertambah saiz hingga 30 ke 50 kali lebih besar daripada saiz asal bagi menyerap sisa toksin dengan berkesan. Ia juga mengandungi serat larut air bagi menyingkirkan toksin dalam darah serta serat tak larut bagi merangsang pergerakan usus.

Bagi membina imun sistem badan, Life Enzyme diperlukan dan makanan kesihatan itu mempunyai enam fungsi kesihatan iaitu mengawal atur fungsi dalaman badan, anti-radang, anti-bakteria, keupayaan menyeluruh, pembersihan darah dan mempunyai keupayaan untuk pertumbuhan semula sel.

Royal Jelly iaitu makanan khas untuk ratu lebah dapat membekal zat

an lebih sihat

atan diperkenal berkonsep Gaya Hidup Organik



PRODUK KUALITI: Cheong bersama produk ditawarkan syarikat di Wisma CNI Jln U1/17 Sek U1 Glenmarie Industrial Park Shah Alam.

dan memelihara kesihatan. Ia dihasilkan menerusi sumber asli dan khasiatnya jauh lebih tinggi berbanding dengan madu lebah biasa.

Jika dimakan setiap hari akan menjadikan seseorang itu hidup lebih lama terutama kaum wanita ke-

rana Royal Jelly mengandungi kolagen dan sangat baik untuk kulit.

CNI mempunyai lebih 200 jenis produk membabitkan lima kategori utama iaitu makanan dan minuman, makanan tambahan kesihatan, barang keperluan rumah, penjagaan diri dan kos-

metik serta barang eksklusif seperti sistem rawatan CNI WaterLife air dan peralatan memasak CNI PerfectChef.

Kini, CNI memiliki 64 pusat pengedaran, 98 stesen jualan, 22 salun kecantikan yang memberi khidmat kepada 200,000 usahawan CNI.